

# Suhakam akan anjur dialog Negara Islam Isnin depan

BH 4 APR 2002

WASHINGTON, Rabu - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) akan menganjurkan dialog 'mengenai "Negara Islam" di Kuala Lumpur pada Isnin depan, kata Pengerusinya Tan Sri Musa Hitam.

Dialog mengenai isu kontroversi itu akan menghimpunkan pelbagai kumpulan Islam dan bukan Islam, parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan, katanya pada satu persidangan mengenai Malaysia anjuran Universiti Ohio di Kedutaan Malaysia di sini, semalam.

"Malaysia Dalam Abad Ke-21" menjadi tema persidangan dua hari itu yang diadakan sempena sambutan 20 tahun "Tun Abdul Razak Distinguished Chair" di Universiti

Ohio. Prof Datuk Dr Zakaria Ahmad merupakan pengerusi pada masa ini dan yang ke-10 Kerusi Tun Abdul Razak dalam Pengajian Asia Tenggara di universiti itu.

Musa berkata beliau sedih dengan hakikat bahawa parti politik telah menggunakan bangsa dan agama sebagai "isu politik" dengan Umno dan Pas saling berebut untuk menjadi juara yang memperjuangkan "Negara Islam".

Isu kontroversi itu ditimbulkan semula apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, yang menurut Musa telah menimbulkan kebimbangan orang bukan Islam.

Prof Datuk Dr Osman Bakar

dari Universiti Georgetown berkata keperluan bagi dialog seumpama itu amat penting berikutan beberapa pemimpin Pas telah menolak perisytiharan bahawa Malaysia sememangnya sebuah negara Islam manakala DAP telah mencabar kesahihan daripada segl Perlembagaan akan perisytiharan oleh Dr Mahathir itu.

"Jika Perlembagaan yang sama dianggap sekular oleh sesetengah kumpulan, dan Islam oleh kumpulan yang lain, dengan itu jelas terdapat keperluan amat penting untuk mengadakan dialog nasional mengenai makna sekular dan Islam," katanya.

Osman, yang menganggap perisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam oleh

Dr Mahathir sebagai "peristiwa amat bersejarah", berkata jika ia diterima, Malaysia akan muncul sebagai sebuah negara Islam di zaman moden yang memperolehi status negara Islam melalui proses demokrasi.

Lagipun, status itu dicapai dalam konteks sebuah negara yang masyarakatnya terdiri daripada pelbagai kaum dan pelbagai agama dengan lebih 40 peratus populasinya ialah bukan Islam, katanya.

Mengenai perang menentang keganasan, Duta Malaysia, Datuk Ghazzali Sheikh Abdul Khalid berkata telah terbukti bahawa Kuala Lumpur dan Washington saling bekerjasama rapat sejak serangan 11 September ke atas New York dan Washington.